

## PENCAPAIAN 2020

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Illahi di atas limpah kurniaNya, dapat kita meneruskan langkah di tahun baru 2021.

Tahun baru bagaikan membuka lembaran baru berupa kertas kosong, kertas yang akan kita tuliskan berbagai kata dan makna kehidupan yang akan datang.

Sepanjang tahun 2020, pelbagai program dan inisiatif telah berjaya dilaksanakan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan hasil daripada kerjasama semua pihak di Jabatan ini. Saya ingin menzahirkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada seluruh warga kerja JKT atas komitmen yang telah diberikan. Menyoroti kembali pencapaian tahun 2020, ternyata semangat kerja berpasukan masih kekal utuh meskipun tahun ini kita diuji dengan pelbagai cabaran terutamanya dalam keadaan wabak COVID-19 ini. Antara pencapaian JKT bagi tahun 2021 ialah:

1. Memperkenal Sistem PBTPay bagi memperkasa perkhidmatan pembayaran atas talian merangkumi cukai taksiran, sewaan dan kompaun serta akan diperluaskan lagi kepada fungsi-fungsi lain. Sistem ini juga telah memenangi Malaysian e-Payments Excellence Awards 2020 Kategori Leadership in e-Payments bagi Sektor Kerajaan.
2. Membangunkan Sistem OSC 3.0 Plus Online yang telah *Go Live* di 99 PBT. Sistem ini diperkenalkan bagi mempercepat kelulusan pelan pemajuan di PBT secara atas talian.
3. Melaksanakan 238 projek infrastruktur dan 208 program bantuan baik pulih rumah di Kampung Baru terpilih. Manakala bagi program komuniti, sebanyak 278 program telah berjaya dilaksanakan.
4. Memperkasa keterlibatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menangani COVID-19. **12,709** sanitasi awam telah dilaksanakan oleh PBT bagi mencegah penularan wabak COVID-19.

5. Menaik taraf tiga PBT ke kategori yang lebih tinggi iaitu Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Pengerang dan Majlis Bandaraya Subang Jaya. Pada tahun 2020 juga, **100 dari 155 PBT** telah menerima penarafan 4 bintang dan ke atas menerusi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPPBT) dan menunjukkan **peningkatan sebanyak 8%** berbanding tahun sebelumnya.
6. Meningkatkan kesedaran awam tentang kesihatan persekitaran menerusi pelaksanaan kempen-kempen di PBT seperti Kempen Premis Makanan Bersih di Kawasan Tumpuan Pelancong, Kempen Kebersihan Pasar Awam, Kempen Gotong-Royong Basmi Aedes dan Kempen Tandas Awam Bersih sepanjang tahun 2020.
7. Melaksanakan Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan pada 18 November 2020 dan diikuti dengan Majlis Pelancaran Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 pada 19 November 2020. Walaupun program anjuran JKT seumpama bertubi-tubi, kita tetap berjaya melaksanakannya dengan cemerlang. Tahniah dan syabas warga JKT!

Justeru, saya berharap agar momentum ini akan dapat diteruskan dan ditingkatkan pada tahun 2021. Tahniah dan terima kasih sekali lagi saya ucapkan.

Ke desa hulu mencari pandan,  
Jalan menempuh pepohon ru,  
Masa berlalu jadi teladan,  
Dalam menempuh tahun baru.

Sekian.

YBhg. Dato' Haji Noor-Ihsan bin Haji Che Mat  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kerajaan Tempatan